

Penerimaan Dan Kebolegunaan Rekabentuk E-Pembelajaran (CIDOS) Sebagai Sistem Pengurusan Pembelajaran Di Politeknik Malaysia

**Khairul Azhar Mat Daud, Ahamad Tarmizi Azizan,
Mohd Sanusi Deraman**

*Faculty Technology Creative and Heritage,
Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
E-mail : azhar.md@umk.edu.my
Tel : +6013-9333919*

Abstrak

e-Pembelajaran merupakan satu kaedah yang sedang berkembang dalam bidang pendidikan. Politeknikseluruh Malaysia telahpun melaksanakan e-pembelajaran yang menggunakan Sistem Pengurusan Pembelajaran (SPP) Modle sepertimana hasrat kerajaan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Kajian ini bertujuan mencari kepastian tentang penerimaan pelajar terhadap sistem SPP Modle yang dikenali sebagai Curriculum Information Document Online System (CIDOS).

e-Learning is a method that is growing in the field of education. Polytechnics throughout Malaysia have implemented e-learning using Learning Management System (PMS) Modle as the government in the field of information and communication technologies. This study aims to discover the certainty of student acceptance of the SPP system Modle known as Curriculum Online Document Information System (CIDOS).

Keyword: Learning management systems, e-learning, student-oriented, online education

1.0 Pengenalan

Pada masa sekarang, semua institusi pengajian tinggi (IPT) telah melaksanakan perubahan yang cukup dramatik dalam bidang pendidikan terutama sekali dalam penggunaan teknologi Multimedia dalam proses Pengajaran & Pembelajaran (P&P) (ipgmkdri.edu.my). Pelbagai plan dan perancangan telah dirancang samada di peringkat kementerian atau IPT sendiri. Ini bagi mamastikan pendidikan dalam negara bergerak seiring dengan negara maju. Ekoran ini kerjaan telah menubuhkan Majlis Tinggi Teknologi Maklumat Nasional (NITC) pada taun 1994.

Pelan induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) dirangka bermatlamat melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) (Scribd.com). Pelan induk ini juga menitikberatkan kreativiti, inovasi dan budaya ilmu dalam diri pelajar. Akhir sekali ,antara matlamat pendidikan negara yang terbaru adalah membudayakan sains dan teknologi serta penerapan pembelajaran sepanjang hayat (Shaharom, Nur Liyana, 2011).

Teknologi multimedia mempunyai potensi yang sangat meluas bagi meningkatkan mutu dan kecekapan proses Pengajaran & Pembelajaran (P&P). (Noor Azliza, Lilia Halim, 2002).

Melalui pengintegrasian perkakasan komputer, perisian, elemen multimedia, kendalian atas talian maka penyampaian lebih menarik dan mudah difahami. Dalam konteks pendidikan, gabungan komponen diatas dikenali sebagai Sistem Pengurusan Pembelajaran(*Learning Management System*, LMS). LMS adalah sebuah aplikasi perisian untuk pentadbiran, dokumentasi, pengesanan dan laporan program-program latihan, bilik kuliah, serta acara dalam talian, program e-pembelajaran dan kadungan latihan (wikipedia). Apabila LMS digunakan secara dalam talian untuk bertujuan P&P, maka kaedah yang digunakan dikenali sebagai e-pembelajaran. Di dalam sistem ini pensyarah boleh kendalikan proses P&P dengan memuat naik nota, soalan, notis, forum di dalam sistem yang digunakan.

E-Pembelajaran masih dikira baru kemunculannya di Malaysia berbanding di Negara Barat(Janarthini, Mohd Nihra, Noor Azean, 2011) dimana e-pembelajaran telah menjadi satu kaedah asas dalam proses pembelajaran bagi menambah nilai teknik-teknik pembelajaran tradisional. E-pembelajaran di Malaysia lebih menjurus kepada pembelajaran ata talian selaras dengan usaha kerajaan menggalakkan rakyat menggunakan jalur lebar.

Kini kaedah e-pembelajaran semakin dipraktikan di semua peringkat universiti samada awam atau swasta. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah menubuhkan Majlis Ketua – Ketua Penyelaras e-Pembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA). (Mohd Amin, 2011). Idea menubuhkan Majlis Ketua-Ketua Penyelaras e-Pembelajaran IPTA ini tercetus berikutan dengan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang begitu pesat dalam dunia tanpa sempadan. Perkembangan ini turut memberi impak dan cabaran dalam pelaksanaan dan pembangunan e-Pembelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia.

Transformasi sistem pendidikan tinggi awam seharusnya selari dengan dasar Malaysia yang ingin menjadi negara maju dan melahirkan generasi yang kreatif, inovatif dan kompeten. Walaupun pembelajaran secara maya atau atas talian agak baharu di Malaysia, perkembangan pesat ini telah mendorong IPTA untuk mengaplikasi e-Pembelajaran untuk terus berdaya saing. (Mohd Amin, Mohd Najib, 2010).

Rajah 1 : Antaramuka E-Pembelajaran CIDOS



2.0 Penyataan Masalah

Jamalludin (2006) menyatakan bahawa terdapat kumpulan pensyarah yang menentang dan kurang berminat dengan penggunaan dan pelaksanaan e-pembelajaran. Antara isu yang diketengahkan ialah ketidakyakinan pensyarah itu sendiri terhadap e-pembelajaran. Isu berkaitan penerimaan pelajar terhadap penggunaan e-pembelajaran, isu talian internet dan isu hak cipta bahan yang dimasukkan dalam e-pembelajaran.

Janarthini, Mohd Nihra dan Noor Azean, 2007 menyatakan bahawa e-pembelajaran masih lagi baru dan sedang berkembang di Malaysia. Perisian yang digunakan untuk e-pembelajaran juga sedang berkembang dan masih

belum mantap lagi berdasarkan kepada sukatan pelajaran Kementerian Pendidikan Malaysia (Noor Azliza, Lilia, 2002).

Di Universiti Malaysia (UM) para pensyarah merasakan tiba-tiba diri mereka dipaksa untuk terlibat dalam penulisan nota kuliah berformatkan digital bertujuan muatnaik dalam LMS. Manakala di Universiti Sains Malaysia, kajian mendapati tahap kefahaman responden terhadap e-pembelajaran adalah rendah dan tidak selari dengan perkembangan ICT (Rubiah & Jamilah, 2009).

Oleh itu, adalah penting untuk membuat satu kajian bagi melihat kesan penggunaan e-pembelajaran terhadap tahap kemahiran pelajar dalam penggunaan Teknologi Maklumat. Tahap kemahiran dalam sesuatu bidang kebiasaannya akan member hubungan yang signifikan dengan penggunaan setiap elemen atau medium dalam bidang tersebut. Begitu juga dengan tahap kemahiran penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan pelajar, sekiranya pelajar mempunyai tahap kemahiran yang tinggi dalam penggunaan teknologi maklumat maka secara tidak langsung penerimaan mereka terhadap pelaksanaan e-pembelajaran juga adalah tinggi.

CIDOS adalah merupakan medium utama yang digunakan dipoliteknik-politeknik Malaysia bagi mengaplikasikan kaedah dan pendekatan e-pembelajaran. Oleh itu, bagi memastikan kaedah e-pembelajaran yang dijalankan di politeknik-politeknik Malaysia benar-benar berkesan dalam meningkatkan tahap kefahaman dan pencapaian pelajar dalam kursus yang dipelajari, maka medium e-pembelajaran yang digunakan hendaklah diuji dan dikaji keberkesanannya. Pelaksanaan CIDOS sepatutnya dapat member kesan yang baik terhadap atribut pelajar seperti sikap dan penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran yang dilaksanakan.

Kebiasaannya, hubungan diantara tahap kebolegunaan sesuatu medium dengan tahap penerimaan pengguna terhadap medium tersebut adalah signifikan. Oleh itu, kajian untuk melihat tahap kebolegunaan CIDOS adalah penting dan perlu dihubungkan dengan tahap peningkatan atribut pelajar. Kajian ini akan menerangkan tentang kepentingan hubungan antara

sikap pelajar terhadap pelaksanaan kaedah e-pembelajaran dengan kemahiran penggunaan teknologi maklumat dan tahap kebolehgunaan CIDOS sebagai modul elektronik dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran

3.0 Kepentingan Kajian

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, Dasar e-Pembelajaran Negara akan dilaksanakan secara optimum pada tahun 2015 sekali gus mewujudkan sistem pembelajaran lebih terbuka yang dapat diakses secara adil untuk mewujudkan masyarakat berilmu (Utusan Malaysia, 17/04/2011). Kerajaan telah mengeluarkan satu kertas kerja “Dasar E-Pembelajaran Negara (Depan) Untuk Institusi Pengajian Tinggi” bagi menerangkan dasar-dasar yang ditetapkan. Ekoran itu, pihak Jabatan Pengurusan Politeknik (JPP) telah melaksanakan dasar e-pembelajaran dengan menggunakan aplikasi CIDOS sebagai Sistem Pengurusan Pembelajaran. Penggunaan CIDOS ini adalah secara atas talian dan belum di ketahui prestasi dan penerimaan pengguna.

Kajian ini membantu penyelidik untuk mengetahui lebih luas lagi tentang penerimaan terhadap penggunaan CIDOS dan mengenalpasti masalah yang mungkin berlaku dan menjadi rujukan penting semasa proses penambahbaikan sistem dilaksanakan. Dapatan kajian ini juga adalah diharapkan dapat membantu dalam mengenalpsati tahap kebolehgunaan, tahap kemahiran penggunaan teknologi maklumat dan sikap pelajar terhadap CIDOS yang bertindak sebagai medium kepada pelaksanaa e-pembelajaran ini. Dapatan data yang dikutip juga boleh menjadi asas dalam merangka satu garis panduan tentang penggunaan dan cadangan terhadap penambahbaikan CIDOS di peringkat Politeknik Kota Bharu. Memandangkan penggunaan CIDOS ini masih baru, dan diguakan di seluruh Politeknik Malaysia, garis panduan dan cadangan penambahbaikan akan dikemukakan terus kepada Jabatan Pengurusan Pengajian (JPP) Politeknik Malaysia. Apabila JPP dapat meningkatkan keberkesanan CIDOS, maka kesan yang positif juga turut terkesan kepada kementerian Pengajian Tinggi melalui kualiti pelajar yang dikeluarkan.

4.0 Skop Kajian

Kajian terbatas kepada aplikasi CIDOS sebagai medium kepada pelaksanaan e-pembelajaran. Sistem CIDOS dikendalikan oleh JPP, Politeknik Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada pelajar Politeknik di bahagian Zon Timur. Kajian terbatas kepada aktiviti pentaksiran dan penilaian sahaja. Hanya pelajar yang mempunyai kehadiran kelas melebihi 80% sahaja digunakan sebagai sampel. Pemilihan sampel ini adalah dibuat secara rawak bertujuan. Sampel dikawal dari pengaruh dalaman dan luaran bagi memelihara tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Instrumen yang digunakan untuk mengukur sikap pelajar terhadap e-pembelajaran melalui penggunaan CIDOS adalah merupakan instrument yang dimabil dan diadaptasi daripada Su Lih Teng (2007).

5.0 Metodologi Kajian

Kajian dilakukan dengan teknik kuantitatif. Borang soalselidik dibangunkan dan uji kesahihannya melalui kajian rintis. Daripada kajian rintis yang dibuat didapati nilai alpha cronbach $\alpha = 0.885$. Nilai alpha Cronbach yang tinggi ini dan melebihi daripada 0.7 secara statistiknya membuktikan tahap kebolehpercayaan dan kesahan bagi borang soal selidik yang digunakan adalah tinggi. Najib (2003) menyatakan bahawa responden seramai 15 hingga 20 orang sudah memadai untuk analisis kesahan dan kebolehpercayaan. Seramai 15 orang pelajar akan dipilih untuk menjawab soalan kaji selidik. Ujian statistik Alpha-Cronbach di buat bagi mendapatkan data kemahiran teknologi maklumat dan soal selidik sikap terhadap e-pembelajaran dengan menggunakan perisian SPSS versi 18. Bagi menghasilkan soalan yang bermutu, seorang pensyarah modul Aplikasi Komputer menyemak dan memberi komen. Pengubahsuaian dilakukan terhadap item tertentu jika perlu.

Borang soal selidik terdiri daripada empat bahagian utama iaitu bahagian A, B, C dan D. Agihan bahagian bagi borang soal selidik ini adalah sebagaimana berikut :

Bahagian A : Demografi Pelajar

Bahagian B : Kemahiran penggunaan teknologi maklumat.

Bahagian C : Sikap Pelajar terhadap pelaksanaan e-pembelajaran


Bahagian D: Kebolehgunaan sistem CIDOS.

Data yang dikutip akan dianalisis secara statistik diskriptif dan inferensi bagi melihat nilai min, peratusan dan hubungan antara pemboleh ubah yang dipilih. Analisa data dilakukan menggunakan aplikasi SPSS versi 18. Pengiraan min diperlukan bagi menerangkan taburan data. Ujian-t bagi dua sampel bebas, ujian ANOVA satu hala untuk mencari perbandingan antara dua min kumpulan data. Ujian statistik korelasi *Pearson* dan korelasi *Spearman* digunakan untuk mencari perkaitan antara dua kumpulan. Semua data dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Populasi kajian ini melibatkan pelajar semester pertama berjumlah 252 orang. Hanya pelajar yang memenuhi syarat sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini sahaja akan dipilih sebagai sampel untuk ujian pra. Selepas 6 bulan, pelajar yang sama digunakan untuk menjalani ujian pasca.

Khairul Azhar (2011) dalam kajiannya menggunakan keadah yang disyorkan oleh bahagian penyelidikan *National Education Association* untuk mendapatkan saiz sampel sepertimana dilaporkan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Rajah 2 : Konsep Kajian



Ujian korelasi boleh digunakan untuk mendapatkan hubungan antara tahap kemahiran teknologi maklumat pelajar dengan sikap mereka terhadap e-pembelajaran. Ujian korelasi Pearson sesuai digunakan kerana pembolehubah yang digunakan akan menghasilkan data internal. Pengkali korelasi akan dibandingkan dengan jadual pekali korelasi yang dicadangkan oleh Guilford pada tahun 1956 seperti berikut :

Jadual 1: Jadual Perbandingan Nilai Pekali Korelasi


Nilai	Pekali	Interpretasi
Korelasi		
< 0.20		Hubungan sangat lemah
0.20 – 0.40		Korelasi rendah
0.40 – 0.70		Korelasi sederhana
0.70 – 0.90		Korelasi tinggi
0.90 – 1.00		Korelasi sangat tinggi

6.0 Kerangka Konsep

Secara asasnya kajian ini dilaksanakan terhadap sistem CIDOS yang digunakan sebagai medium dalam melaksanakan pendekatan e-pembelajaran. Pelaksanaan e-pembelajaran melalui system CIDOS telah direkabentuk dan digunakan di seluruh politeknik Malaysia. Oleh itu, satu kajian ini dibuat bagi mengenalpasti penerimaan kaedah e-pembelajaran melalui penyampaian sistem CIDOS yang digunakan sebagai sistem pengurusan pembelajaran. Selain daripada itu, tahap kebolehgunaan sistem CIDOS juga diukur. Kajian ini adalah berfokuskan kepada tahap penerimaan e-pembelajaran yang digunakan sebagai sistem pengurusan dalam pembelajaran. Rekabentuk yang dilaksanakan juga turut mempengaruhi keberkesanan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran. Jadi tahap kebolehgunaan penting dalam penerimaan e-pembelajaran.

Penerimaan CIDOS ditentukan oleh tiga faktor yang saling tidak berkait. Faktor-faktor ini ialah Kemahiran Teknologi Maklumat di peringkat sekolah, sikap awal pelajar terhadap e-pembelajaran dan tahap kebolehgunaan rekabentuk antara muka. Sikap pelajar pula terbahagi kepada empat iaitu perasaan yang gusar, keyakinan terhadap sistem pengurusan pembelajaran, perasaan suka dan minat terhadap e-pembelajaran dan persepsi awal.

Rajah 3 : Kerangka Konsep Kajian



12. Penutup

Kajian yang dijalankan bagi mengesan tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran yang mana teknologi maklumat ini masih lagi asing di kalangan pelajar dan pensyarah Politeknik Malaysia. Sikap terhadap e-pembelajaran di Politeknik Malaysia serta faktor-faktor yang mempengaruhi dengan sikap terhadap e-pembelajaran dari segi kemahiran teknologi maklumat, jantina, kursus dan kekerapan penggunaannya. Hasil kajian nanti akan mencerminkan sikap sebenar pelajar dan tahap penerimaan e-pembelajaran di dalam proses P&P dalam sistem seluruh Politeknik Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian, maka garis panduan akan diterbitkan untuk penambahbaikan CIDOS.

Bibliografi

- Abang Ismail & Abang Haji (2007). Keberkesanan penggunaan multimedia terhadap penguasaan kemahiran sukan bola jaring. Seminar Penyelidikan: Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang
- Afendi Hamat, Mohamed Amin Embi & Abdul Halim Sulaiman (2011). Learning management systems in malaysian higher education institutions. E-Learning In Malaysian Higher Education Institutions: Status, Trends & Challenges. Ministry of higher education.
- Gates, B. (1999). Business @ the speed of thought, New York: Penguin Books.
- Jamaluddin Harun & Zaidatun Tasir (2003). Multimedia dalam pendidikan. PTS Publication: Bentong
- Janarthini A/P Krishnan, Mohd Nihra Haruzuan Mohamad Said, Noor Azean Atan, Johari Hassan (2011), Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan e-pembelajaran di kalangan pelajar tahun akhir fakulti pendidikan, jurnal pendidikan, universiti teknologi malaysia, 1150
- Khairul Azhar Mat daud. (2010). Kesan penggunaan sistem pembelajaran terarah sendiri secara atas talian (E-Solms) terhadap kesediaan pembelajaran terarah sendiri dan motivasi pembelajaran pelajar: Thesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Mohammad Amin Ambi (2011). E-learning in malaysian higher education institutions: status, trends and challenger. Kementerian pengajian tinggi malaysia.
- Noor Azliza & Lilia Halim (2002), Reka Bentuk Dan Keberkesanan Pembelajaran Berbantu Multimedia Pendekatan Konstruktivisme Bagi Sains KBSM, Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia, 19-38
- Nor Azan, Mat Zin Halimah & Shahrul (2009). Pernilaian perisian kursus adaptif multimedia (A-Maths) berasaskan stail pembelajaran. Jurnal Teknologi Maklumat & Multimedia, 5, 61-78
- Pirani, J.A. (2004). Supporting e-learning in higher education. Educause Center For Applied Research.
- Suanpang, P. Pettocz & Kalceff. F (2004). Student attitudes to learning bussiness statistics: comparison of online and traditional methods. Educational Technology & Society. 7(3): 9-20.
- Song. L & Hill, J.R (2007). A conceptual model for understading self-directed learning in online environments. Journal of Interactive Online Learning. 6(1). <http://www.ncolr.org/jiol> (dicapai pada 27 Okt 2011)

Yusup Hashim, Md Nor Saleh, Ismail Raoh & Mahizar Hamzah (2008). Kajian tentang kompetensi pensyarah menggunakan PDT di institusi pengajian tinggi. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

<http://www.ipgmkdri.edu.my> (12 Okt 2011)

http://en.wikipedia.org/wiki/Learning_management_system (4 Nov 2011)